

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tentang kelajuan mandatori selular yang akan ditetapkan kepada semua kawasan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menghasilkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), yang bertujuan untuk menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) adalah salah satu instrumen kawal selia utama yang diwujudkan untuk melindungi pengguna di Malaysia dari segi kualiti perkhidmatan. SKMM memantau dan mengawal selia pelaksanaan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh semua penyedia perkhidmatan yang relevan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap pelanggaran mana-mana standard yang ditetapkan. Pengukuran adalah berdasarkan kepada tiga Standard Mandatori yang telah dikeluarkan oleh SKMM seperti berikut:

SOALAN NO : 12

- a) Standard Mandatori perkhidmatan selular awam;
- b) Standard Mandatori perkhidmatan akses jalur lebar tanpa wayar; dan
- c) Standard Mandatori perkhidmatan akses jalur lebar talian tetap

Mengikut standard mandatori kualiti perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar yang telah ditetapkan, kelajuan muat turun minima setiap pengguna adalah 2.5Mbps. Parameter ini adalah merujuk kepada pengukuran jalur lebar yang dijalankan oleh pihak SKMM dan juga pihak pembekal pekhidmatan pada setiap tempat.

Walaupun bagaimanapun, melalui JENDELA, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa bukan sahaja akan meningkatkan mutu perkhidmatan, malah akan meningkatkan kualiti pengalaman (*Quality of Experience/QoE*) perkhidmatan 4G yang disediakan. Antara sasaran Fasa 1 yang bermula tahun 2020 lagi, sehingga tahun 2022 adalah juga untuk mempertingkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps. Untuk makluman, purata kelajuan jalur lebar mudah alih terkini pada suku tahunan ketiga 2021 ini juga telah meningkat daripada 25 Mbps kepada 31.34 Mbps.